

Kelab In-Smartive UMP anjur Projek Kilauan Mutiara

MOTIVASI. Kelab In-Smartive Universiti Malaysia Pahang (UMP)

menganjurkan Projek Kilauan Mutiara 2016 di Sekolah Rendah Islam (SERI) Al-Ummah, Sitiawan, Perak baru-baru ini.

Program selama tiga hari itu melibatkan seramai 37 pelajar Tahun 6 dan 15 mahasiswa UMP yang bertindak sebagai fasilitator.

Penasihat Kelab In-Smartive UMP, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd. Zain berkata, antara objektif utama projek itu ialah sebagai katalis bagi memperkasa sahsiah diri dan memberi motivasi kepada

KOSMO (Komuniti) | Feb 2016 | mjs 50



Gambar dan berita yang disiarkan dalam Komuniti Kita kini boleh diakses di laman web www.kosmo.com.my.

para pelajar yang akan menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada September depan.

"Dengan cara ini, ia akan dapat membentuk para

pelajar lebih berkeyakinan, beretika dan berminda positif dalam persediaan awal menghadapi UPSR," katanya.

Pada program tersebut, Muhamad Alma Azrie Tarmizie dinobatkan sebagai peserta Lelaki Terbaik manakala kategori peserta Perempuan Terbaik menjadi milik Nur Ain Najieeha Abd. Rahman.



PARA peserta dan fasilitator bergambar beramai-ramai sempena Projek Kilauan Mutiara 2016 anjuran Kelab In-Smartive UMP di Sekolah Rendah Islam Al-Ummah, Sitiawan baru-baru ini.